

Memperluas konteks Imarah Masjid: Kajian terhadap penyediaan perkhidmatan penginapan untuk musafir di Terengganu

(Expanding the context of Imarah Masjid: Accommodation services for travelers in Terengganu)

***Noor Fiteri bin Abdullah¹ & Masnisah binti Mukhtar²**

¹ Pusat Pengajian Siswazah, Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus Gong Badak, 21300 Kuala Nerus, Terengganu Darul Iman.

² Jabatan Pengajian Am, Politeknik Hulu Terengganu, Jalan Pengkalan Gawi - Tasik Kenyir, Kuala Jeneris, 21700 Kuala Berang, Terengganu.

*Corresponding Author: Noor Fiteri bin Abdullah (imarahcentre@gmail.com)

Received: Dec 2, 2025

Accepted: June 26, 2026

Online Published: June 30, 2026

ABSTRAK

Masjid dalam tradisi Islam bukan sahaja berfungsi sebagai pusat ibadah, malah turut memainkan peranan penting dalam aspek sosial, kebajikan dan hospitaliti komuniti. Walau bagaimanapun, kajian mengenai penyediaan penginapan masjid sebagai sebahagian daripada agenda pengimarahannya masih terhad, khususnya dalam konteks Pantai Timur Malaysia. Kajian ini bertujuan meneliti motivasi, model pelaksanaan, faktor tarikan dan cabaran pengurusan penginapan masjid di Terengganu. Kajian menggunakan pendekatan kualitatif berbentuk kajian kes melibatkan dua buah masjid terpilih, iaitu Masjid Kampung Seberang Takir dan Masjid Mengabang Telipot. Data dikumpulkan melalui temu bual separa berstruktur, pemerhatian lapangan dan analisis dokumen, sebelum dianalisis menggunakan analisis tematik. Dapatan kajian mengenal pasti empat tema utama, iaitu motivasi penyediaan penginapan, model pelaksanaan, faktor tarikan pelancong, serta cabaran tadbir urus. Kajian mendapati bahawa penginapan masjid berfungsi sebagai medium pengimarahannya melalui integrasi elemen kebajikan, dakwah dan hospitaliti Islam. Namun demikian, inisiatif ini berdepan cabaran seperti kekangan kewangan, ketiadaan garis panduan operasi standard dan tahap kemahiran hospitaliti yang tidak seragam. Kajian ini menambah pemahaman tentang amalan pengurusan penginapan masjid secara mampan bagi menyokong pembangunan pelancongan Islam dan memperluas konteks imarah masjid di Malaysia.

Kata kunci: Musafir, Penginapan Masjid, Pelancongan Masjid, Pengimarahannya Masjid, Tadbir Urus

ABSTRACT

Mosques in Islamic tradition function not only as centres of worship but also play important roles in social support, welfare, and community hospitality. However, studies on mosque accommodation as part of the imarah masjid agenda remain limited, particularly in the East Coast region of Malaysia. This study examines the motivations, operational models, attraction factors, and management challenges of mosque accommodation in Terengganu. This study employed a qualitative case study approach involving two selected mosques, namely Masjid Kampung Seberang Takir and Masjid Mengabang Telipot. Data were collected through semi-structured interviews, field observations, and document analysis before being analysed using thematic analysis. The findings identified four main themes: motivations for providing accommodation, operational and implementation models, user attraction factors, and governance challenges. The study found that mosque accommodation functions as a medium of imarah masjid through the integration of welfare, da'wah, and Islamic hospitality. Nevertheless, this initiative faces several challenges, including financial constraints, the absence of standard operating guidelines, and varying levels of hospitality-related skills among management personnel. This study enhances understanding of sustainable mosque accommodation management practices in supporting Islamic tourism and broadens the contemporary context of imarah masjid in Malaysia.

Keywords: Travelers, Mosque Accommodation, Mosque Tourism, Ijarah Masjid, Governance

PENDAHULUAN

Ijarah masjid merujuk kepada usaha memakmurkan rumah Allah melalui pelbagai pengisian yang memberi manfaat kepada umat. Pengimarahkan ini bukan sahaja melibatkan ibadah khusus seperti solat berjemaah, tetapi turut merangkumi aktiviti pendidikan, sosial, ekonomi dan kebajikan masyarakat (Asif et al., 2021). Hal ini menunjukkan bahawa peranan masjid tidak terhad sebagai tempat ibadah semata-mata, bahkan turut berfungsi memenuhi keperluan masyarakat.

Dalam konteks semasa, pengimarahkan masjid berkembang selari dengan perubahan keperluan masyarakat. Keberkesanan pengimarahkan masjid kini turut bergantung pada keupayaan pengurusan masjid menyesuaikan fungsi dan perkhidmatannya dengan perkembangan semasa (Mat Jusoh et al., 2022). Perkembangan ini menunjukkan bahawa masjid semakin berperanan dalam menyediakan pelbagai perkhidmatan yang memberi manfaat kepada komuniti setempat.

Salah satu fungsi yang semakin diberi perhatian ialah penyediaan penginapan kepada musafir. Asif et al. (2023) turut menyenaraikan penyediaan penginapan untuk musafir sebagai antara fungsi yang boleh dilaksanakan oleh masjid dalam memenuhi keperluan masyarakat. Ini membuktikan penyediaan penginapan bukan sesuatu yang terpisah daripada peranan masjid, sebaliknya selari dengan fungsi kebajikan dan khidmat sosial. Di Malaysia, penginapan masjid bukan suatu konsep yang baharu, namun pelaksanaannya masih terhad

dan belum berkembang secara meluas (Noor Fiteri, 2013b). Penginapan masjid juga berpotensi menjadi alternatif kepada penginapan komersial kerana menawarkan kos yang lebih berpatutan, suasana mesra Muslim dan akses mudah kepada kemudahan ibadah.

Walaupun bagaimanapun, kajian mengenai penginapan masjid di Malaysia masih terhad dan kebanyakannya berada pada peringkat penerokaan awal. Kajian terdahulu juga kurang meneliti secara empirikal aspek faktor penyediaan penginapan, model operasi, faktor tarikan pengguna serta cabaran tadbir urus penginapan masjid. Jurang ini lebih ketara dalam konteks Pantai Timur, khususnya di Terengganu yang mempunyai jaringan masjid yang aktif.

Berdasarkan jurang tersebut, kajian ini dijalankan untuk meneliti peranan penginapan masjid sebagai salah satu bentuk pengimarah masjid dalam konteks semasa. Kajian ini memberi tumpuan kepada dua buah masjid di Terengganu bagi memahami faktor penyediaan penginapan, model pelaksanaan, faktor tarikan serta cabaran tadbir urus yang dihadapi.

LATAR BELAKANG KAJIAN

Penginapan masjid merupakan salah satu bentuk perkhidmatan yang berpotensi menyokong agenda pengimarah masjid. Penyediaan penginapan kepada musafir bukan sahaja memenuhi keperluan asas perjalanan, bahkan memperluas fungsi kebajikan masjid kepada masyarakat. Dalam konteks ini, Asif et al. (2021) menyenaraikan penyediaan penginapan untuk musafir sebagai antara fungsi yang boleh dilaksanakan oleh masjid bagi memenuhi keperluan komuniti yang semakin pelbagai. Perkembangan ini memperlihatkan bahawa fungsi masjid pada masa kini tidak lagi terbatas kepada aktiviti ibadah semata-mata.

Walaupun penginapan masjid mempunyai potensi yang signifikan, pelaksanaannya di Malaysia masih belum berkembang secara meluas. Kewujudan masjid yang banyak di seluruh negara tidak semestinya mencerminkan kepelbagaian fungsi yang benar-benar dioptimumkan. Dalam konteks pelancongan pula, hanya sebahagian kecil masjid diketengahkan sebagai masjid pelancongan atau menyediakan kemudahan khusus kepada musafir (Umar & Ashaari, 2019). Jurang antara potensi dan pelaksanaan ini memperlihatkan bahawa fungsi masjid masih belum dimanfaatkan secara menyeluruh dalam memenuhi keperluan semasa masyarakat.

Kajian berkaitan penginapan masjid di Malaysia juga masih terhad dan kebanyakannya lebih bersifat penerokaan awal (Azarudin Awang et al., 2021; Noor Fiteri, 2013b). Perbincangan sedia ada lebih banyak menekankan potensi dan kelebihan penginapan masjid, namun penelitian terhadap aspek pengurusan masih kurang diberi perhatian. Aspek faktor penyediaan penginapan, model operasi, faktor tarikan pengguna serta cabaran tadbir urus masih belum diteliti secara mendalam. Kekurangan ini menjadi lebih signifikan apabila peranan masjid kontemporari semakin menuntut pengurusan yang cekap, responsif dan sistematik bagi memenuhi keperluan masyarakat (Nor Azlina Abd. Wahab et al., 2016).

Jurang tersebut lebih ketara dalam konteks Pantai Timur, khususnya di Terengganu yang mempunyai jaringan masjid yang aktif serta berpotensi menyokong keperluan musafir. Namun, kajian yang meneliti pelaksanaan penginapan masjid dalam konteks setempat masih terbatas. Oleh itu, kajian ini dijalankan bagi meneliti peranan penginapan masjid dalam menyokong agenda pengimarah masjid melalui penelitian terhadap faktor penyediaan, model pelaksanaan, faktor tarikan dan cabaran tadbir urus.

Persoalan Kajian

Berdasarkan permasalahan yang dibincangkan, kajian ini dirangka untuk menjawab persoalan berikut:

1. Apakah faktor yang mendorong penyediaan penginapan di masjid?
2. Bagaimanakah model pelaksanaan penginapan masjid dilaksanakan?
3. Apakah faktor yang menjadi tarikan pengguna terhadap penginapan masjid?
4. Apakah cabaran tadbir urus yang dihadapi dalam pengurusan penginapan masjid?

Objektif Kajian

1. Menenal pasti faktor penyediaan penginapan masjid di Terengganu.
2. Menganalisis model pelaksanaan penginapan masjid yang diamalkan oleh masjid terpilih.
3. Meneliti faktor tarikan pengguna terhadap penginapan masjid.
4. Menganalisis cabaran tadbir urus dalam pengurusan penginapan masjid.

SOROTAN LITERATUR

Sorotan literatur ini membincangkan penulisan terdahulu yang berkaitan dengan pengimarahkan masjid dan penginapan masjid sebagai asas kepada pembinaan kerangka kajian. Perbincangan difokuskan kepada konsep pengimarahkan masjid, peranan penginapan masjid dalam memenuhi keperluan musafir serta jurang kajian terdahulu yang menjadi asas kepada pelaksanaan kajian ini.

Konsep Pengimarahkan Masjid

Pengimarahkan masjid merujuk kepada usaha memakmurkan masjid melalui pelbagai pengisian yang menghidupkan fungsi dan peranannya dalam kehidupan umat Islam. Pengimarahkan ini tidak hanya diukur melalui peningkatan penyertaan jemaah dalam ibadah khusus seperti solat berjemaah, bahkan turut melibatkan aktiviti yang menyumbang kepada pembangunan pendidikan, sosial, ekonomi dan kebajikan masyarakat. Pengimarahkan masjid pada hakikatnya menuntut institusi masjid berfungsi secara aktif serta mampu menyesuaikan peranannya dengan keperluan masyarakat yang sentiasa berubah.

Dalam tradisi Islam, masjid sejak awal berfungsi sebagai institusi yang pelbagai. Pada zaman Rasulullah SAW, masjid bukan sekadar tempat ibadah, tetapi turut menjadi pusat pendidikan, musyawarah, pentadbiran, penyelesaian konflik dan kebajikan sosial (Abd. Majid et al., 2021). Kepelbagaian fungsi ini menunjukkan bahawa masjid sentiasa berkembang mengikut tuntutan semasa tanpa menjejaskan kedudukannya sebagai rumah ibadah. Peranan tersebut memperlihatkan bahawa pengimarahkan masjid sejak awal lagi mempunyai dimensi yang lebih luas daripada pengisian ritual semata-mata.

Asif et al. (2021) menjelaskan bahawa fungsi masjid dalam konteks kontemporari semakin berkembang meliputi program pendidikan, aktiviti sosial, pemerkasaan ekonomi serta perkhidmatan kebajikan. Perkembangan ini memperlihatkan perubahan penting dalam cara institusi masjid difahami pada masa kini. Masjid tidak lagi dilihat hanya sebagai ruang ritual keagamaan, sebaliknya turut berfungsi sebagai institusi sokongan komuniti yang menyediakan pelbagai bentuk perkhidmatan kepada masyarakat.

Mat Jusoh et al. (2022) pula menegaskan bahawa keberkesanan pengimarahannya masjid banyak bergantung pada keupayaan pengurusan menyesuaikan fungsi dan perkhidmatan masjid dengan perubahan semasa. Pengurusan yang cekap, jaringan strategik dengan agensi luar, penglibatan komuniti serta pendekatan yang lebih profesional menjadi antara elemen penting dalam memperkukuh peranan masjid. Dalam konteks semasa, pengimarahannya masjid tidak memadai jika hanya dinilai melalui pengisian ritual, tetapi turut diukur melalui keupayaannya memenuhi keperluan masyarakat secara lebih menyeluruh.

Abd. Majid et al. (2021) turut menegaskan bahawa institusi masjid perlu diperkasa sebagai pusat pembangunan komuniti yang menyediakan pelbagai bentuk perkhidmatan sokongan kepada masyarakat. Berdasarkan kerangka ini, penyediaan kemudahan kepada musafir dapat difahami sebagai salah satu bentuk pengembangan fungsi masjid dalam konteks pengimarahannya kontemporari.

Penginapan Masjid dan Keperluan Musafir

Penginapan masjid merujuk kepada penyediaan ruang persinggahan sementara oleh institusi masjid kepada musafir bagi tujuan berehat, bermalam dan meneruskan perjalanan. Dalam perspektif Islam, penyediaan kemudahan kepada musafir berkait rapat dengan nilai ihsan, kebajikan dan hospitaliti yang menekankan bantuan kepada golongan yang memerlukan. Penginapan masjid dapat difahami sebagai penzahiran fungsi kebajikan masjid dalam bentuk perkhidmatan yang memberi manfaat secara langsung kepada musafir (Azman Ab. Rahman et al., 2018).

Asif et al. (2021) menyenaraikan penyediaan penginapan untuk musafir sebagai salah satu bentuk perkhidmatan yang boleh dilaksanakan oleh masjid dalam memenuhi keperluan komuniti. Ini menunjukkan bahawa penginapan masjid bukan suatu fungsi yang asing dalam institusi masjid, sebaliknya mempunyai asas yang selari dengan perkembangan fungsi sosial masjid. Azman Ab. Rahman et al. (2018), turut meletakkan rumah penginapan atau kemudahan persinggahan sebagai antara bentuk perkhidmatan yang boleh menyokong peranan komuniti dan kebajikan masjid.

Dalam konteks Malaysia, Noor Fiteri (2013a) menjelaskan bahawa penginapan masjid telah wujud sebagai alternatif kepada penginapan komersial walaupun pelaksanaannya masih terhad. Kewujudan penginapan masjid memperlihatkan usaha sesetengah institusi masjid dalam menyediakan perkhidmatan yang lebih responsif terhadap keperluan musafir, khususnya bagi pengguna yang memerlukan kos penginapan lebih rendah serta persekitaran ihsan yang mesra Muslim.

Kekuatan utama penginapan masjid terletak pada keupayaannya menghubungkan pengalaman bermusafir dengan penghayatan ibadah dalam satu ruang yang sama. Berbeza dari penginapan komersial, penginapan masjid menawarkan akses terus kepada ruang solat, suasana yang lebih kondusif daripada sudut spiritual serta hubungan yang lebih dekat dengan komuniti setempat. Nilai tambah ini meletakkan penginapan masjid sebagai satu bentuk hospitaliti Islam yang mempunyai ciri tersendiri (Azman Ab. Rahman et al., 2018).

Perkembangan pelancongan Islam turut memperluas potensi penginapan masjid. Kajian berkaitan imarah masjid melalui medium pelancongan menunjukkan bahawa masjid semakin

berperanan sebagai ruang interaksi, hospitaliti dan penghubung antara komuniti dengan pelawat. Umar dan Ashaari (2019) turut menunjukkan bahawa fungsi masjid dalam sektor pelancongan berkembang melalui pembangunan masjid pelancongan serta penyediaan kemudahan sokongan kepada pengunjung.

Walau bagaimanapun, penginapan masjid mempunyai ciri pengurusan yang berbeza dari penginapan komersial. Ihsan et al. (2019) mencadangkan inovasi perkhidmatan masjid lazimnya lahir daripada keupayaan pengurusan mengenal pasti keperluan pengguna dan menterjemahkannya kepada bentuk perkhidmatan yang sesuai. Keberkesanan penginapan masjid bukan semata-mata bergantung pada kemudahan fizikal, tetapi turut dipengaruhi oleh tadbir urus, amanah pengurusan dan keupayaan menyeimbangkan fungsi ibadah dengan fungsi perkhidmatan.

Penginapan Masjid dalam Konteks Kontemporari Malaysia

Dalam konteks Malaysia, penginapan masjid mula mendapat perhatian sebagai alternatif kepada penginapan komersial, khususnya bagi pelancong Muslim yang mencari suasana patuh syariah dan kos berpatutan. (Noor Fiteri, 2013b, 2013a) menunjukkan bahawa penginapan masjid berpotensi memperkuat penglibatan komuniti setempat serta menawarkan pengalaman pelancongan yang lebih dekat dengan nilai keagamaan.

Walau bagaimanapun, kajian-kajian terdahulu mempunyai beberapa limitasi penting. Pertama, fokus kajian tertumpu kepada kawasan utara Semenanjung. Kedua, analisis lebih menekankan potensi konseptual berbanding bukti empirikal lapangan. Ketiga, isu tadbir urus seperti SOP operasi, pengurusan risiko dan standard kualiti perkhidmatan kurang dibincangkan secara mendalam. Kekangan ini menyebabkan pemahaman mengenai kelestarian model penginapan masjid masih belum matang.

Kerangka Konseptual dan Jurang Kajian

Berdasarkan sorotan literatur, penginapan masjid dapat difahami sebagai salah satu bentuk pengembangan fungsi masjid dalam kerangka pengimarahannya kontemporari. Dalam kajian ini, konsep pengimarahannya masjid berperanan sebagai kerangka konseptual utama yang menjelaskan bagaimana institusi masjid memperluas peranannya daripada pengisian ritual kepada penyediaan perkhidmatan yang memenuhi keperluan masyarakat. Berasaskan kerangka ini, penginapan masjid dilihat sebagai manifestasi pengimarahannya melalui perkhidmatan kebajikan dan hospitaliti kepada musafir.

Walaupun kajian berkaitan pengimarahannya masjid semakin berkembang, penelitian khusus terhadap penginapan masjid masih terbatas. Kajian sedia ada lebih banyak menumpukan kepada perbincangan konseptual dan penerokaan awal tentang potensi pelaksanaannya. Penulisan terdahulu lebih banyak menjelaskan kepentingan penginapan masjid berbanding meneliti bagaimana ia diurus dan dilaksanakan dalam situasi sebenar.

Dari sudut pengurusan, aspek yang melibatkan faktor penyediaan penginapan, model pelaksanaan, faktor tarikan pengguna serta cabaran tadbir urus masih kurang dianalisis secara empirikal. Sedangkan dimensi ini penting bagi menjelaskan bagaimana sesuatu perkhidmatan masjid dapat berfungsi secara berkesan dalam menyokong agenda pengimarahannya.

Dari sudut geografi, kajian berkaitan penginapan masjid juga masih kurang memberi perhatian kepada konteks Pantai Timur, khususnya Terengganu yang mempunyai jaringan masjid aktif serta potensi yang besar dalam memenuhi keperluan musafir dan pelancong Muslim. Kekurangan ini menunjukkan bahawa penginapan masjid masih belum difahami secara menyeluruh, khususnya dari sudut pelaksanaan dan pengurusannya dalam konteks sebenar. Oleh itu, kajian ini meneliti penginapan masjid melalui empat dimensi utama, iaitu faktor penyediaan, model pelaksanaan, faktor tarikan pengguna dan cabaran tadbir urus bagi memahami peranannya sebagai salah satu bentuk pengimarah masjid dalam konteks semasa.

METODOLOGI KAJIAN

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan reka bentuk kajian kes bagi memperoleh pemahaman mendalam tentang pelaksanaan penginapan masjid dalam konteks pengimarah masjid. Pendekatan kualitatif dipilih kerana membolehkan penyelidik meneliti pengalaman, persepsi dan amalan pengurusan daripada perspektif informan yang terlibat secara langsung (Creswell, 2013). Menurut Yin (2018), kajian kes sesuai digunakan apabila sesuatu fenomena dikaji dalam konteks sebenar yang melibatkan interaksi antara pelbagai faktor organisasi dan persekitaran.

Pendekatan ini membolehkan kajian meneliti secara holistik faktor penyediaan penginapan, model pelaksanaan, faktor tarikan pengguna serta cabaran tadbir urus penginapan masjid.

Justifikasi Pemilihan Kes dan Lokasi Kajian

Kajian ini dijalankan di dua buah masjid di Terengganu, iaitu Masjid Kampung Seberang Takir dan Masjid Mengabang Telipot. Pemilihan lokasi dibuat secara persampelan bertujuan berdasarkan kesesuaiannya dengan objektif kajian (Creswell & Creswell, 2018). Pemilihan kedua-dua masjid ini mengambil kira kriteria seperti penyediaan kemudahan penginapan secara aktif, operasi pengurusan yang konsisten, kesediaan pihak pengurusan memberi akses kajian serta potensi hubungannya dengan aktiviti pelancongan setempat.

Kajian ini melibatkan sepuluh orang informan yang dipilih secara persampelan bertujuan berdasarkan penglibatan langsung mereka dalam pengurusan dan penggunaan penginapan masjid. Informan terdiri daripada dua orang pengerusi atau pentadbir utama masjid, tiga orang AJK atau penyelia penginapan, dua orang staf operasi serta tiga orang tetamu. Bagi menjaga kerahsiaan identiti, setiap informan diberikan kod pengenalan seperti P1–P2, A1–A3, S1–S2 dan T1–T3. Saiz informan ini dianggap memadai kerana data yang diperolehi telah mencapai ketepuan tema, iaitu apabila temu bual tambahan tidak lagi menghasilkan tema baharu yang signifikan (Merriam & Tisdell, 2016).

Pengumpulan Data

Data dikumpulkan melalui temu bual separa berstruktur, pemerhatian lapangan dan analisis dokumen. Temu bual separa berstruktur dijalankan bagi mendapatkan maklumat berkaitan faktor penyediaan penginapan, model pelaksanaan, faktor tarikan pengguna dan cabaran tadbir urus. Kesemua informan ditemu bual dalam tempoh kerja lapangan antara Januari

hingga April 2025 dengan setiap sesi berlangsung antara 30 hingga 60 minit. Temu bual direkod dengan kebenaran informan sebelum ditranskripsikan secara verbatim. Pemerhatian lapangan dijalankan bagi menilai keadaan fizikal penginapan, kemudahan yang disediakan, akses kepada ruang ibadah serta interaksi antara pengurusan masjid dan pengguna. Analisis dokumen pula melibatkan bahan seperti rekod tempahan, risalah promosi, media sosial masjid dan ulasan pengguna dalam talian.

Analisis Data

Data dianalisis menggunakan kaedah analisis tematik berdasarkan (Braun & Clarke, 2006). Proses analisis melibatkan pembacaan berulang transkrip, penjaan kod awal, pengelompokan kod kepada tema serta penafsiran tema berdasarkan pola makna yang muncul daripada data. Analisis ini membolehkan tema-tema utama dikenal pasti selaras dengan objektif kajian.

Kesahan dan Kebolehppercayaan Kajian

Bagi meningkatkan kesahan dan kebolehppercayaan dapatan, kajian ini menggunakan triangulasi sumber melalui perbandingan data temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen. Selain itu, penyelidik mengekalkan dokumentasi data secara sistematik melalui transkrip temu bual, nota lapangan dan rekod dokumen bagi memastikan proses interpretasi data dapat dijejaki dengan jelas (Yin, 2018).

Limitasi Kajian

Kekangan pentadbiran dan batasan penjadualan telah menyukarkan interaksi secara berkumpulan, lantas menuntut pemerolehan data dibuat menerusi temu bual separa berstruktur secara individu sepenuhnya. Meskipun pendekatan ini berkemungkinan mendedahkan dapatan kepada bias maklum balas, risiko tersebut dikurangkan melalui triangulasi sumber (Merriam & Tisdell, 2016).

Pemilihan saiz sampel adalah fokus kepada dua buah institusi masjid sahaja berikutan kekurangan masjid yang menawarkan penginapan melebihi lima buah bilik di Terengganu. Walau bagaimanapun, skala yang kecil ini menyerlahkan nilai keaslian terhadap kajian sebuah fenomena perintis (Yin, 2018). Oleh yang demikian, dapatan kualitatif yang diperoleh memadai sebagai rujukan awal bagi memandu reka bentuk kajian lanjutan dan penggubalan dasar tadbir urus pada masa hadapan (Creswell & Creswell, 2018).

DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian ini dianalisis berdasarkan data temu bual separa berstruktur, pemerhatian lapangan dan analisis dokumen. Analisis tematik mengenal pasti empat tema utama yang selari dengan objektif kajian, iaitu faktor penyediaan penginapan masjid, model pelaksanaan penginapan, faktor tarikan pengguna dan cabaran tadbir urus. Tema ini menegaskan bagaimana penginapan masjid berfungsi sebagai medium pengimarahannya yang menghubungkan elemen kebajikan, hospitaliti Islam dan pembangunan komuniti.

Faktor Penyediaan Penginapan Masjid

Penyediaan penginapan masjid di kedua-dua lokasi menunjukkan bahawa fungsi tradisional masjid sebagai ruang persinggahan musafir telah berkembang kepada bentuk pengimarahannya yang lebih adaptif, merangkumi kebajikan, dakwah dan sokongan kewangan organisasi. Walaupun nilai kebajikan masih menjadi asas utama, penginapan masjid pada masa kini tidak lagi beroperasi semata-mata atas pertimbangan kebajikan tradisional.

Bagi Masjid Kampung Seberang Takir (MST), motivasi awal penyediaan penginapan berakar pada fungsi kebajikan terhadap musafir. Seorang informan menjelaskan bahawa penginapan disediakan sebagai bantuan kepada mereka yang memerlukan tempat bermalam.

“Orang musafir yang tak ada tempat tinggal, kita bagi dia tidur di sini.” (MST-P1)

Petikan ini memperlihatkan bahawa fungsi kebajikan masih menjadi asas kepada penyediaan penginapan. Namun demikian, fungsi tersebut berkembang seiring perubahan persekitaran setempat. Kedudukan masjid ini yang berhampiran Jambatan Angkat Kuala Terengganu, jeti bot ke Pasar Payang dan kawasan pelancongan utama mewujudkan permintaan yang lebih pelbagai daripada pelawat luar dan pelancong.

“Sekarang bukan musafir sahaja, pelawat luar pun ramai singgah sebab kawasan sini memang tarikan pelancong.” (MST-A2)

Selain pelancongan, permintaan turut dipengaruhi oleh penganjuran acara komuniti seperti akad nikah dan majlis keluarga, sekali gus memperlihatkan integrasi antara fungsi sosial dan fungsi hospitaliti.

Berbeza dengan MST, Masjid Mengabang Telipot (MMT) memperlihatkan pola penyediaan yang lebih berkait dengan mobiliti komuniti pendidikan dan pelawat tempatan. Kedudukan masjid ini yang berhampiran institusi pendidikan seperti UMT, UniSZA dan MRSM Kuala Terengganu mewujudkan permintaan yang konsisten daripada keluarga pelajar.

“Ramai yang datang menginap ni ibu bapa pelajar... masa konvo atau masa hantar anak masuk universiti.” (MMT-P1)

Penginapan di MMT juga tidak dilihat sekadar sebagai kemudahan bermalam, tetapi menjadi medium dakwah secara tidak langsung.

“Walaupun orang datang untuk menginap, mereka dapat rasa suasana masjid... dengar azan, tengok aktiviti masjid.” (MMT-A1)

Perbandingan antara MST dan MMT menunjukkan bahawa motivasi penyediaan penginapan tidak ditentukan oleh fungsi masjid semata-mata, tetapi turut dibentuk oleh ekosistem sosial dan ekonomi setempat. MST berkembang dalam persekitaran pelancongan dan acara komuniti, manakala MMT lebih dipacu oleh mobiliti pendidikan dan komuniti pesisir.

Dapatan ini mengukuhkan pandangan Asif et al. (2021), fungsi masjid kontemporari semakin melangkaui peranan ritual kepada penyediaan perkhidmatan yang lebih responsif terhadap keperluan komuniti. Dalam konteks kajian ini, penginapan masjid memperlihatkan bagaimana agenda pengimarahannya diterjemahkan melalui perkhidmatan yang menggabungkan kebajikan, pengalaman spiritual dan kelestarian institusi secara serentak.

Model Operasi Penginapan Masjid

Pelaksanaan penginapan di kedua-dua masjid menunjukkan bahawa operasi penginapan diurus secara sederhana dan fleksibel mengikut kapasiti pengurusan masjid serta keperluan pengguna. Berbeza dari penginapan komersial yang lazimnya bergantung pada sistem tempahan formal dan struktur operasi yang khusus, penginapan masjid lebih banyak dikendalikan melalui penyelarasan langsung oleh pihak pengurusan.

Di kedua-dua lokasi, proses tempahan masih dilakukan secara manual melalui komunikasi terus dengan individu yang bertanggungjawab mengurus penginapan.

“Kalau ada orang nak menginap, biasanya mereka terus berhubung dengan saya... biasa guna WhatsApp atau call.” (MST-A1)

“Tempahan setakat ini guna WhatsApp atau call terus... sebab bilik tak banyak.” (MMT-A1)

Pendekatan ini memudahkan komunikasi dan membolehkan pihak pengurusan menyesuaikan keperluan pengguna secara fleksibel. Dari sudut operasi, kedua-dua masjid mengamalkan konsep rumah inap dalam kawasan masjid dengan penyediaan fasiliti asas seperti katil, penghawa dingin, bilik air dan kelengkapan ibadah.

“Walaupun dalam kawasan masjid, kita cuba sediakan kemudahan yang selesa macam penginapan biasa.” (MST-A2)

Selain penyediaan kemudahan fizikal, dapatan kajian menunjukkan bahawa penginapan masjid tidak beroperasi secara terpisah daripada fungsi masjid yang lain. Di Masjid Kampung Seberang Takir, pengurusan penginapan berkait rapat dengan penggunaan dewan, majlis akad nikah dan program komuniti. Di Masjid Mengabang Telipot pula, penggunaan penginapan lebih kerap dikaitkan dengan program pelajar serta aktiviti pendidikan setempat. Dapatan ini memperlihatkan bahawa model operasi penginapan masjid lebih bersifat bersepadu, iaitu bergerak seiring dengan fungsi sosial dan komuniti yang sedia ada dalam institusi masjid (Azman Ab. Rahman et al., 2018). Kekuatan model ini terletak pada keanjalan pengurusan serta hubungan yang rapat antara pihak pengurusan dan pengguna. Namun demikian, pergantungan yang tinggi pada pengurusan manual turut mewujudkan cabaran dari sudut penyelarasan tempahan, konsistensi perkhidmatan dan kelestarian operasi dalam jangka panjang.

Faktor Tarikan Pengguna

Daya tarikan penginapan masjid tidak ditentukan oleh faktor harga semata-mata, tetapi terbentuk melalui gabungan lokasi strategik, kemudahan asas yang selesa dan pengalaman menginap dalam suasana yang kondusif kepada penghayatan Islam. Dapatan menunjukkan bahawa pengguna menilai penginapan masjid bukan sekadar sebagai tempat bermalam, tetapi sebagai pengalaman hospitaliti yang mempunyai nilai tambah tersendiri.

Bagi Masjid Kampung Seberang Takir (MST), faktor tarikan utama banyak dipengaruhi oleh kedudukan strategiknya dalam ekosistem pelancongan bandar. Lokasi masjid yang

berhampiran Jambatan Angkat Kuala Terengganu, jeti bot ke Pasar Payang dan kawasan rekreasi menjadikannya mudah diakses oleh pelawat.

“Lokasi masjid ni memang strategik sebab dekat dengan laluan utama.” (MST-T1)
Kedudukan ini memberi kelebihan kepada pengguna yang mahu menggabungkan aktiviti penginapan dengan lawatan pelancongan.

“Tetamu suka sebab lepas menginap mereka boleh terus naik bot ke Pasar Payang.” (MST-T2)

Selain lokasi, tarikan MST turut dipengaruhi oleh nilai estetik persekitarannya. Seni bina moden masjid yang berlatarbelakangkan Sungai Terengganu menjadikan kawasan tersebut popular untuk fotografi dan aktiviti sosial, sekali gus menambah nilai simbolik kepada pengalaman penginapan.

Bagi Masjid Mengabang Telipot (MMT) pula, faktor tarikan lebih dipengaruhi oleh gabungan akses kepada institusi pendidikan, tarikan makanan tempatan dan rekreasi pesisir pantai. Lokasinya yang berhampiran universiti serta kawasan pelancongan makanan menjadikan penginapan ini sesuai untuk keluarga pelajar dan pelawat luar.

“Kelebihan utama sini memang lokasi... dekat universiti dan kawasan yang orang selalu singgah.” (MMT-T1)

Pengguna juga menilai kemudahan bilik yang lengkap sebagai faktor penting dalam membuat pilihan.

“Walaupun dalam kawasan masjid, bilik dia selesa... kemudahan pun lengkap.” (MMT-T2)

Walau bagaimanapun, faktor yang paling membezakan penginapan masjid daripada penginapan konvensional ialah pengalaman kerohanian yang dialami pengguna.

“Rasa lebih tenang sebab duduk dalam kawasan masjid.” (MMT-T3)

Perbandingan antara kedua-dua kes menunjukkan bahawa nilai tarikan penginapan masjid terhasil daripada kombinasi faktor fizikal dan bukan fizikal. Faktor fizikal merangkumi lokasi, akses dan fasiliti, manakala faktor bukan fizikal merangkumi ketenangan, suasana Islamik dan keterhubungan dengan ruang ibadah.

Dapatan ini selari dengan Noor Fiteri (2013b) yang menegaskan bahawa penginapan masjid menawarkan nilai tambah yang sukar diperoleh dalam penginapan komersial, khususnya dari sudut persekitaran mesra Muslim. Dalam konteks ini, penginapan masjid memperlihatkan bahawa hospitaliti Islam tidak hanya diukur melalui kemudahan material, tetapi turut merangkumi pengalaman spiritual yang membentuk kepuasan pengguna.

Cabaran Tadbir Urus

Cabaran utama pengurusan penginapan masjid pada masa kini bukan lagi berkaitan penerimaan masyarakat terhadap konsep penginapan dalam kawasan masjid, tetapi lebih tertumpu kepada keupayaan institusi masjid mengurus operasi secara mampan. Analisis

mengenali pasti tiga cabaran utama, iaitu kekangan kewangan, penyelenggaraan fasiliti dan pengurusan sumber manusia.

Di Masjid Kampung Seberang Takir (MST), cabaran paling ketara melibatkan keterbatasan sumber kewangan untuk penyelenggaraan dan penambahbaikan fasiliti.

“Peruntukan memang menjadi cabaran utama.” (MST-P1)

Kekangan kewangan ini memberi kesan langsung kepada usaha menaik taraf bilik, mengganti peralatan dan memperluas kapasiti kemudahan sedia ada. Tekanan operasi menjadi lebih ketara ketika musim cuti sekolah, cuti umum dan penganjuran acara komuniti yang meningkatkan kadar penggunaan bilik. Di Masjid Mengabang Telipot (MMT) pula, cabaran lebih tertumpu kepada konsistensi penyelenggaraan fasiliti dan keterbatasan tenaga kerja.

“Cabaran utama nak pastikan bilik sentiasa bersih, terutama masa tetamu ramai.” (MMT-S1)

Masalah teknikal kecil seperti kerosakan penghawa dingin atau bilik air juga memerlukan respons segera.

“Kalau aircond rosak atau bilik air bermasalah, kena baiki cepat.” (MMT-S2)

Kekurangan staf operasi menyebabkan sebahagian besar tanggungjawab penyelenggaraan bergantung kepada penyelarasan manual oleh jawatankuasa dan pekerja sedia ada.

Cabaran tadbir urus ini menunjukkan bahawa kelestarian penginapan masjid sangat bergantung pada kapasiti pengurusan organisasi, bukan semata-mata kepada niat kebajikan. Kekuatan nilai kebajikan dan sokongan komuniti masih penting, namun tanpa sistem pengurusan yang cekap, kualiti perkhidmatan berisiko menurun.

Dapatan ini mengukuhkan pandangan Mat Jusoh et al. (2022) bahawa pengimarah masjid kontemporari memerlukan pengurusan yang lebih sistematik dan responsif. Dalam konteks kajian ini, pengimarah melalui penginapan memperlihatkan bahawa fungsi kebajikan memerlukan sokongan tadbir urus yang profesional bagi menjamin kelestarian perkhidmatan.

Model Konseptual Penginapan Masjid sebagai Medium Pengimarah

Berdasarkan keseluruhan dapatan, kajian ini mencadangkan bahawa penginapan masjid sebagai medium pengimarah terbentuk melalui hubungan yang saling mempengaruhi antara komponen utama, iaitu permintaan setempat, model operasi komuniti, nilai hospitaliti Islam dan tadbir urus mampan.


Permintaan setempat menjadi pemacu awal kepada kewujudan penginapan masjid. Faktor ini merangkumi kehadiran pelancong, mobiliti komuniti pendidikan, acara sosial dan keperluan musafir. Permintaan tersebut kemudiannya membentuk model operasi yang bersesuaian dengan kapasiti dan sumber pengurusan masjid.

Model operasi komuniti pula menentukan bagaimana penginapan diurus dan disampaikan kepada pengguna. Dalam kedua-dua kes, pengurusan yang fleksibel dan berasaskan

hubungan interpersonal membolehkan operasi berjalan dengan kos yang minimum, namun pada masa yang sama mewujudkan keperluan kepada tadbir urus yang lebih tersusun. Nilai hospitaliti Islam menjadi komponen yang membezakan penginapan masjid daripada penginapan komersial. Nilai ini merangkumi kebajikan, ihsan, kesederhanaan, suasana spiritual dan keterhubungan pengguna dengan ruang ibadah. Komponen ini menjadikan penginapan masjid bukan sekadar perkhidmatan penginapan, tetapi sebahagian daripada pengalaman pengimarahannya.

Akhir sekali, tadbir urus mampan menentukan sejauh mana penginapan masjid dapat dikekalkan dalam jangka panjang. Pengurusan kewangan, penyelenggaraan fasiliti dan pengagihan sumber manusia menjadi faktor kritikal yang mempengaruhi keberkesanan operasi.

Interaksi antara keempat-empat komponen ini memperlihatkan bahawa penginapan masjid tidak wajar difahami sebagai inovasi kebajikan semata-mata, tetapi sebagai model pengurusan institusi Islam yang mengintegrasikan fungsi ibadah, kebajikan, hospitaliti dan pembangunan komuniti secara serentak.



Rajah 1: Kerangka Konseptual Penginapan Masjid sebagai Medium Pengimarahannya Masjid

Rajah 1 memperlihatkan kerangka konseptual penginapan masjid sebagai medium pengimarahannya masjid yang dibangunkan berdasarkan sorotan literatur dan dapatan kajian.

Kerangka ini menunjukkan bahawa konsep pengimarah masjid menjadi asas kepada pengembangan fungsi institusi masjid dalam konteks semasa, termasuk penyediaan penginapan kepada musafir. Pelaksanaan penginapan masjid dalam kajian ini dipengaruhi oleh empat dimensi utama, iaitu faktor penyediaan, model pelaksanaan, faktor tarikan pengguna dan cabaran tadbir urus. Keempat-empat dimensi ini saling berinteraksi dalam membentuk pengalaman penginapan yang berteraskan nilai hospitaliti Islam, kebajikan dan sokongan komuniti. Interaksi tersebut akhirnya memperlihatkan bahawa penginapan masjid bukan sekadar kemudahan persinggahan, tetapi turut berfungsi sebagai mekanisme pengimarah yang memperluas peranan masjid sebagai institusi pembangunan ummah dalam konteks kontemporari.

KESIMPULAN

Kajian ini meneliti penginapan masjid sebagai salah satu medium pengimarah masjid melalui kajian kes di Masjid Kampung Seberang Takir dan Masjid Mengabang Telipot, Terengganu. Secara keseluruhannya, dapatan kajian menunjukkan bahawa penginapan masjid pada masa kini tidak lagi terbatas kepada fungsi tradisional sebagai tempat persinggahan sementara untuk musafir, sebaliknya telah berkembang kepada satu bentuk pengimarah yang lebih dinamik dengan mengintegrasikan elemen kebajikan, hospitaliti Islam dan pembangunan komuniti.

Dapatan kajian memperlihatkan bahawa penyediaan penginapan masjid didorong oleh gabungan nilai kebajikan, keperluan komuniti setempat dan pola mobiliti pengguna yang semakin berubah. Dalam konteks ini, kewujudan penginapan masjid bukan sahaja memenuhi keperluan asas musafir terhadap tempat bermalam yang selesa dan mampu bayar, tetapi turut menyediakan ruang yang menghubungkan pengalaman bermusafir dengan penghayatan ibadah. Pada masa yang sama, model pelaksanaan penginapan yang diamalkan oleh kedua-dua masjid menunjukkan bahawa pengurusan berasaskan komuniti masih menjadi teras operasi, walaupun berdepan cabaran dari sudut penyelarasan, penyelenggaraan fasiliti dan tadbir urus sumber.

Dari sudut konseptual, kajian ini memperluas pemahaman terhadap pengimarah masjid dengan menunjukkan bahawa pengimarah tidak wajar difahami secara sempit sebagai pengisian ritual semata-mata. Sebaliknya, pengimarah turut dapat diterjemahkan melalui penyediaan perkhidmatan yang memberi manfaat langsung kepada masyarakat, termasuk perkhidmatan hospitaliti kepada musafir dan pelancong Muslim. Penemuan ini memperkukuh pandangan bahawa fungsi masjid dalam konteks semasa terus berkembang selari dengan perubahan keperluan sosial masyarakat.

Kajian ini turut mempunyai implikasi praktikal terhadap pengurusan institusi masjid dan pembangunan pelancongan Islam di Malaysia. Penginapan masjid boleh dilihat sebagai salah satu inovasi perkhidmatan yang berpotensi memperkukuh fungsi kebajikan dan agenda pengimarah. Namun begitu, kelestarian model ini memerlukan sokongan tadbir urus yang lebih sistematik, khususnya dari aspek pengurusan kewangan, penyelenggaraan fasiliti, pengurusan sumber manusia dan prosedur operasi yang jelas. Dalam konteks yang lebih luas, dapatan kajian ini dapat membantu agensi berkaitan seperti jabatan hal ehwal agama Islam negeri dan pembuat dasar pelancongan Islam dalam merangka garis panduan pengurusan penginapan masjid yang lebih tersusun dan mampan.

Walaupun kajian ini memberikan pemahaman yang lebih mendalam tentang penginapan masjid, beberapa limitasi perlu diakui. Kajian ini hanya melibatkan dua buah masjid di negeri Terengganu dan menggunakan pendekatan kualitatif berasaskan kajian kes. Oleh itu, dapatan kajian tidak bertujuan untuk digeneralisasikan kepada semua institusi masjid di Malaysia. Selain itu, perbezaan konteks geografi dan latar sosial berkemungkinan menghasilkan model pengurusan yang berbeza antara lokaliti.

Kajian lanjutan dicadangkan untuk melibatkan lebih banyak lokasi merentasi negeri yang berbeza bagi membolehkan perbandingan yang lebih luas. Kajian pada masa hadapan juga boleh meneroka pembangunan model tadbir urus penginapan masjid yang lebih komprehensif atau menilai persepsi pengguna melalui pendekatan kuantitatif. Kesimpulannya, penginapan masjid menunjukkan bahawa agenda pengimarahannya boleh diterjemahkan melalui bentuk perkhidmatan yang lebih responsif terhadap keperluan semasa masyarakat, selagi pelaksanaannya disokong oleh tadbir urus yang cekap dan pengurusan yang mampan.

PENGHARGAAN

Artikel ini merupakan sebahagian daripada hasil penyelidikan yang dijalankan oleh penulis. Penulis merakamkan penghargaan kepada Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia atas sokongan melalui tajaan biasiswa pengajian PhD, serta kepada semua pihak yang telah memberikan sokongan secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan kajian ini.

KONFLIK KEPENTINGAN

Penulis mengisytiharkan bahawa tiada sebarang konflik kepentingan berkaitan dengan penerbitan artikel ini.

SUMBANGAN PENGARANG

Pengarang 1: Konseptualisasi kajian, pembangunan kerangka teori, analisis data dan penulisan manuskrip.

Pengarang 2: Pengumpulan data, semakan literatur dan penyuntingan manuskrip.

PENYATAAN KETERSEDIAAN DATA

Sumbangan asal yang dibentangkan dalam kajian ini telah disertakan dalam artikel/bahan tambahan. Sebarang pertanyaan lanjut boleh dikemukakan kepada penulis koresponden. Data yang menyokong dapatan kajian ini boleh diperoleh daripada penulis koresponden berdasarkan permohonan.

PERNYATAAN ETIKA

Kajian ini melibatkan temu bual dengan informan yang terlibat dalam pengurusan dan penggunaan penginapan masjid. Persetujuan dimaklumkan telah diperoleh daripada semua informan sebelum pengumpulan data dijalankan. Identiti responden dirahsiakan melalui penggunaan kod bagi memastikan kerahsiaan mereka.

PERNYATAAN TEKS YANG DIHASILKAN OLEH KECERDASAN BUATAN (AI)

Penggunaan alat Kecerdasan Buatan (AI), adalah terhad kepada bantuan penyuntingan bahasa dan penambahbaikan struktur penulisan sahaja. Semua idea, analisis, interpretasi data dan kandungan intelektual utama ialah sepenuhnya hasil penyelidikan.

RUJUKAN

- Abd. Majid, M., Awang, N., Hj Aini, Z., & Opir, H. Bin. (2021). Pelan Strategik Pengupayaan Peranan Institusi Masjid Sebagai Pusat Tumpuan Komuniti. *International Journal of Islam and Contemporary Affairs*, 1(2), 21–37. <https://doi.org/10.61465/jurnalyadim.v1i2.59>
- Asif, N., Utaberta, N., Ismail, S., & Shaharil, M. I. (2021). The Study on the Functional Aspects of Mosque Institution. *Journal of Islamic Architecture*, 6(4), 229–236. <https://doi.org/10.18860/jia.v6i4.11749>
- Asif, N., Utaberta, N., Ismail, S., Yan, X., & Zhou, Y. (2023). Mosque Institution and Building: Evaluating Sustainable Space, Function, Program, and Activities. *Lecture Notes in Civil Engineering*, 310, 139–151. https://doi.org/10.1007/978-981-19-8024-4_11
- Azarudin Awang, Zainuddin Zakaria, Mohd Sabri Abdul Ghafar, Noralisa Ismail, & Zuraini Jusoh. (2021). Potensi Masjid sebagai Produk Pelancongan di Malaysia. *Journal Voice of Academia*, 17(1), 1–9.
- Azman Ab. Rahman, Wan Mohd. Fazrul Azdi Wan Razali, & Mahazan Abdul Motalib@Taib. (2018). *Model pengimarah masjid bagi kesejahteraan komuniti berkonsepkan mizan* (1st ed., pp. 62–62). Penerbit USIM.
- Braun, V., & Clarke, V. (2006). Using thematic analysis in psychology. *Qualitative Research in Psychology*, 3(2), 77–101. <https://doi.org/10.1191/1478088706qp063oa>
- Creswell, J. W. (2013). *Qualitative Inquiry and Research Design: Choosing Among Five Approaches* (3rd ed.). SAGE Publications.
- Creswell, J. W., & Creswell, D. J. (2018). *Research Design: Qualitative, Quantitative, and Mixed Methods Approaches* (5th ed.). SAGE Publications. Inc.
- Ihsan, R., Ashadi, C., & Indra Pratama, P. S. (2019). The Mosque Management Innovation Explaining Process and Driving Forces. *Jurnal MD*, 5(2), 141–163.
- Mat Jusoh, M. S., Abdul Kamil Jamaludin, & Mohd. Nordin Samah. (2022). Elemen-Elemen Keberkesanan Program Pengimarah Masjid Era Kontemporari: Kajian Analisis Keperluan. *International Journal of Humanities Technology and Civilization*, 7(1), 76–82. <https://doi.org/10.15282/ijhtc.v7i1.7498>
- Merriam, S. B., & Tisdell, E. J. (2016). *Qualitative Research: A Guide to Design and Implementation* (4th ed.). Jossey-Bass.
- Noor Fiteri, A. (2013a). Masjid Mengendalikan Penginapan: Pilihan Alternatif Kepada Industri Pelancongan. *Terengganu International Tourism Conference 2013 (TITC2013)*.
- Noor Fiteri, A. (2013b). *Pengendalian Urusan Penginapan Pelancong Di Masjid: Kajian Kes Di Wilayah Utara Semenanjung Malaysia*. [Thesis]. Universiti Utara Malaysia.
- Nor Azlina Abd. Wahab, Norafifah Ab. Hamid, & Norajila Che Man. (2016). Pemeraksanaan Peranan Masjid di Malaysia Era Kontemporari. *E-Academia Journal UiTMT*, 5(2), 219–229. <http://journale-academiauitmt.edu.my/>
- Umar, M. H., & Ashaari, M. F. (2019). Pelaksanaan dan Pengurusan Masjid Pelancongan di Malaysia. *Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporari*, 20(1), 163–173.
- Yin, R. K. (2018). *Case Study Research and Applications: Design and Methods* (6th ed.). SAGE Publications, Inc.